

Malaysia-Maghribi tandatangani perjanjian tingkat hubungan kerjasama

UM 17 APR 2002

RABAT 16 April — Malaysia dan Maghribi hari ini menandatangani perjanjian bersama bagi meningkatkan lagi hubungan kerjasama dua hala khususnya dalam bidang ekonomi dan perdagangan, di samping kerjasama sains dan teknikal, kebudayaan dan pendidikan.

Ia bukan sahaja bertujuan untuk merapat dan mengeratkan lagi hubungan antara rakyat kedua-dua negara malahan bagi melonjakkan lagi pelaburan, perdagangan dan perniagaan yang terbuka luas tetapi belum diterokai sepenuhnya.

Ia selaras dengan matlamat Malaysia sendiri untuk menjadikan Maghribi sebagai tapak loncatan bagi memperluas dan memperhebatkan lagi pelaburan dan perdagangan ke Komuniti Eropah (EC) dan Afrika Utara.

Maghribi pula mahu menjadikan Malaysia sebagai tapak loncatan ke negara-negara ASEAN lain serta Asia Timur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir bersama rakan sejawatannya dari Maghribi, Abderrahmane Youssoufi menyaksikan upacara menandatangani perjanjian itu yang dilakukan oleh Menteri Luar masing-masing di Kementerian Luar dan Kerjasama Maghribi (MFAC) di sini.

Perjanjian itu adalah hasil perbincangan peringkat tertinggi para pegawai tinggi dan menteri kedua-dua pihak dengan diketuai sendiri

oleh kedua-dua Perdana Menteri, yang berlangsung di tempat yang sama sebelum itu.

Turut juga ditandatangani ialah beberapa perjanjian persefahaman bersama yang melibatkan kerjasama di bidang pembangunan multimedia oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan petroleum oleh Petronas.

Perdana Menteri membuka tirai rundingan peringkat tertinggi dengan mengadakan pertemuan tertutup dengan Abderrahmane di Jabatan Perdana Menteri, sebelum kedua-duanya kemudian bertolak ke MFAC bagi menyertai perwakilan masing-masing ke perbincangan tersebut.

Dr. Mahathir bersama rombongannya tiba di sini petang semalam (kira-kira pukul 3 pagi hari ini waktu Malaysia) untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Maghribi, bertujuan menerokai peluang baru pelaburan dan meningkatkan perdagangan.

Beliau yang diiringi oleh isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali disertai sama oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Nazri Aziz; Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Besar

Pahang, Datuk Seri Adnan Yaacob dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Koh Tsu Koon turut serta.

Perdana Menteri bersama rombongannya memulakan lawatan hari pertamanya hari ini dengan menziarahi Makam Raja Mohammed V sebelum berlepas ke Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan perbincangan dengan Abderrahmane.

Selepas makan tengah hari, Dr. Mahathir menghadap Raja Mohammed VI dan mengadakan perbincangan mengenai hubungan dua hala dan perkara-perkara kepentingan bersama di samping kepentingan Islam sejagat.

Sumber-sumber diplomatik di sini berkata, kedua-dua pemimpin itu bertukar-tukar pandangan mengenai soal-soal keganasan antarabangsa dan kekejaman Israel ke atas rakyat Palestin.

Perdana Menteri bersama rombongan kemudian mengadakan perjumpaan khas dengan para pelajar Malaysia di Maghribi sebelum berucap dan berdialog dengan para intelektual Islam dan kumpulan ahli-ahli fikir serta anggota-anggota Parlimen Maghribi.

Pada malamnya, rombongan Malaysia diraikan dalam satu majlis jamuan rasmi yang diberikan oleh Abderrahmane di kediaman rasminya. — *Utusan*